

Dr Chen Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan Datuk Dr Chen Chaw Min dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian yang baru menggantikan Tan Sri Farida Mohd Ali yang bersara wajib hari ini.

Dr Chen, 54, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Illinois dan Doktor Falsafah dalam bidang kewangan dari Universiti Putra Malaysia (UPM,

berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 27 tahun dan berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata, Dr Chen berpengalaman luas dalam bidang ekonomi dan pengurusan kewangan menerusi lapan perjawatan dalam bahagian ekonomi sepanjang perkhidmatan.

Menurutnya, beliau percaya kelayakan, pengetahuan, pengalaman dan kredibiliti dimiliki Dr

Chen akan membolehkan beliau melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan selaras objektif utama kementerian dalam mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan rakyat ke arah kehidupan ekonomi dan sosial produktif.

“Dalam pada itu, kerajaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Farida di atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada perkhidmatan awam selama lebih 33 tahun,” katanya dalam kenyataan, semalam.